

Keluarga miskin ditawarkan pengangkutan hantar anak mendaftar

Pelajar terharu inisiatif UMP

Oleh MOHAMAD SHOFI MAT ISA

penarang@utusan.com.my

■ KUANTAN 2 SEPT.

MENGIKUT perancangan, pasangan ibu bapa kurang berkemampuan di Bagan Datuk, Perak mahu menempah teksi bagi menghantar anak mereka ke sesi pendaftaran penuntut baharu **Universiti Malaysia Pahang (UMP)** di Kompleks Sukan UMP Kampus Gambang di sini hari ini.

R. Subramaniam, 51, yang bekerja sebagai seorang buruh berkata, dia telah pun bertanya kepada pengusaha kenderaan tersebut dan diminta tambang sebanyak RM500 bagi perjalanan ke UMP dan pulang ke Bagan Datuk.

"Ini perancangan saya dan is-

teri bagi menghantar anak kami, S. Pavithraan ke UMP hari ini, memang bagi saya tambang ini (RM500) tinggi tetapi saya sanggup demi melihat anak melanjutkan pelajaran.

"Bagaimanapun, saya dihubungi oleh UMP yang bertanyakan soal pengangkutan dan menawarkan bagi menjemput kami sekeluarga, saya terharu kerana tidak pernah saya dengar ada bantuan seumpama ini bagi meringankan beban kami sekeluarga," katanya ketika ditemui.

Subramaniam berkata, dia dan keluarga juga terharu kerana bukan sahaja disediakan pengangkutan malah mereka turut diberikan tempat tinggal serta makanan.

Dalam pada itu, Pavithraan, 19, yang diterima untuk mengikuti

pengajian Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia berkata, dia terharu dengan keprihatinan UMP yang turut menyumbangkan insentif pendidikan sebanyak RM1,000 kepadanya.

"Sumbangan ini cukup bermakna dan dapat meringankan beban keluarga serta memberi semangat kepada saya untuk belajar bersungguh-sungguh bagi mengubah nasib keluarga supaya menjadi lebih baik selepas ini," katanya.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMP, Prof. Datuk Dr. Yuserrie Zainuddin berkata, selain Pavithraan, lima lagi penuntut baharu daripada keluarga kurang berkemampuan turut menerima sumbangan RM1,000.

"Inisiatif ini merupakan pro-

gram di bawah MyGift UMP dalam meringankan beban penuntut untuk mendaftar masuk universiti. Pemilihan penuntut berdasarkan saringan Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni bagi membolehkan para mahasiswa baharu yang mempunyai masalah kewangan memulakan pengajian di sini," katanya.

Beliau dalam pada itu berkata, seramai 2,468 mahasiswa baharu ditawarkan tempat bagi mengikuti 29 program pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda sesi 2018/2019.

Katanya, bilangan itu tidak termasuk 36 penuntut antarabangsa yang mendaftar dari 12 negara termasuk Yemen, Somalia, Mesir, Bangladesh, Syria, Arab Saudi, China, Tanzania, United Kingdom dan India.



S. PAVITHRAAN bersama ibu bapanya menerima inisiatif program di bawah MyGift Universiti Malaysia Pahang (UMP) pada Sesi Akademik 2018/2019 di Kompleks Sukan UMP, Gambang, Kuantan, semalam. - UTUSAN/AHMAD ZAKKI JILAN